

UTUSAN MALAYSIA
02 NOVEMBER 2011 (RABU)
M/S 31



MOHD. SHAFEL Abdullah (kiri) menyempahkan wang pendahuluan PTPPTN kepada salah seorang pelajar yang bakal ke IPT di Wangsa Maju, baru-baru ini.

21 terima wang pendahuluan PTPPTN bantu persiapan ke IPT

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Seramai 21 pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi (IPT) telah menerima wang pendahuluan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPPTN) bagi membantu mereka membuat persiapan awal.

Penyerahan wang tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Barisan Nasional Parlimen Wangsa Maju, Datuk Mohd. Shafel Abdullah di ibu pejabat UMNO Bahagian di sini baru-baru ini.

Kata Mohd. Shafel, pelajar terbabit yang menerima wang pen-

dahuluan sebanyak RM1,500 itu akan melanjutkan pelajar ke IPT bagi sesi November ini.

“Saya menasihatkan agar pelajar-pelajar yang menerima bantuan pinjaman daripada PTPPTN supaya dapat membayar kembali pinjaman tersebut apabila mereka tamat pengajian nanti.

“Ini perlu dan penting supaya kita dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang lain untuk membuat pinjaman dan melanjutkan pelajaran mereka pula,” katanya di sini hari ini.